

22 MAR 1999

Mahathir-Sabah

SISTEM PENGGILIRAN TERPULANG KEPADA RAKYAT SABAH, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 22 Mac (Bernama) -- Rakyat Sabah yang harus menentukan sama ada mereka mahu meneruskan sistem penggiliran ketua menteri yang ada sekarang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Itu terpulang kepada rakyat Sabah. Mereka boleh menyatakan mereka tidak suka kepada cara penggiliran (Ketua Menteri). Kalau pendapat majoriti rakyat Sabah kata begitu, saya ikut sahaja," katanya pada persidangan berita di sini pada akhir lawatan dua hari ke kedah.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan bersedia mengkaji semula pelaksanaan sistem itu berikutan kelebihan bilangan wakil rakyat UMNO berbanding parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain yang memperolehi kemenangan besar pada pilihan raya negeri 12 Mac dan 13 Mac lalu.

Daripada 31 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi BN, UMNO mencatatkan kemenangan 100 peratus apabila kesemua 24 calonnya dipilih, manakala Parti Demokratik Sabah (PDS) memenangi hanya dua daripada 12 kerusi yang dipertandingkan, dengan tiga kerusi dari Parti Maju Sabah (SAPP) dan dua dari Parti Liberal Demokratik (LDP).

Sebanyak 17 lagi kerusi dimenangi parti pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ketika ditanya bagaimana rakyat Sabah dapat menyatakan keputusan mereka berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata mereka boleh melahirkan pendapat mereka menerusi saluran-saluran yang betul.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah Datuk Osu Sukam dilantik ketua menteri minggu lepas, menggantikan Presiden PDS Tan Sri Bernard Dompok, yang kalah dalam pilihan raya itu.

Mengikut sistem penggiliran itu, Osu akan selepas dua tahun digantikan oleh seorang pemimpin parti BN dari masyarakat Kadazandusun dan diikuti oleh pemimpin masyarakat Cina.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai pelantikan Timbalan Presiden PDS Datuk Wilfred Bumburing, yang kalah dalam pilihan raya itu, sebagai seorang daripada tiga Timbalan Ketua Menteri Sabah, dan kemungkinan berikutan kekanannya, seseorang yang kalah dalam pilihan raya itu akan menjadi ketua menteri yang seterusnya selepas Osu.

"Itu terpulang kepada PDS (kemudian) untuk mencalonkan siapa di antara pemimpin mereka akan menjadi ketua menteri. Dua wakil PDS ada dipilih dalam pilihan raya itu," katanya dengan merujuk kepada Datuk Wences Angang dan Datuk Siringan Gubat.

Angang adalah di antara menteri negeri baru dalam kabinet Osu yang diumumkan Sabtu lepas.

-- BERNAMA

AU AKD